



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG
PARAS 22
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG



Tel: 04 - 650 5211 (Pejabat Am)
Faks: 04 - 2619588
Laman Web: <http://ptg.penang.gov.my>

46

Ruj. Kami : PTG/PP/AUD/206(46)
Tarikh : 10 Jun 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan / Puan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 09/2022

MEMANSUHKAN PENGENAAN CUKAI PARIT DAN CUKAI TALI AIR KE ATAS TANAH-TANAH YANG TELAH DILULUSKAN PECAH SEMPADAN, PENYATUAN, TUKAR SYARAT, PENYERAHAN DAN PEMBERIMILIKAN SEMULA UNTUK TUJUAN PEMBANGUNAN

Dengan segala hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Cukai parit dan cukai tali air dikenakan kepada tanah-tanah yang terletak dalam kawasan pengairan dan saliran yang diwartakan di bawah undang-undang *Irrigation Areas Act 1953 (Act 386), Section 6(2)*, *Imposition of Water Rate*. Bagi pembangunan tanah termasuk pembangunan strata, cukai parit dan cukai tali air sepatutnya tidak lagi dikenakan ke atas hakmilik sambungan selepas kelulusan pecah sempadan atau penyerahan balik dan pemberimilikan semula diluluskan.

3. Namun, terdapat cukai tali air dan cukai parit masih lagi dikenakan ke atas tanah atau petak strata yang telah dibangunkan di mana cukai-cukai ini tidak sepatutnya dikenakan kerana ia telah dikeluarkan dari warta kawasan saliran dan kawasan tali air. Oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Negeri pada 20 April 2022 dan disahkan pada 27 April 2022 telah meluluskan perkara-perkara seperti berikut:

SILA SEBUTKAN NO. RUJUKAN PEJABAT INI APABILA MENJAWAB

CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS
KE ARAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN TANAH

Ruj. Kami : PTG/PP/AUD/206(46)
Tarikh : 10 Jun 2022

- a. Pentadbir-Pentadbir Tanah diberikan kuasa untuk mengeluarkan cukai parit dan cukai tali air daripada terus dikenakan ke atas tanah/petak yang telah diluluskan dengan projek-projek pembangunan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Pentadbir-Pentadbir Tanah dikehendaki untuk membuat proses hapuskira ke atas jumlah cukai tersebut; dan
 - b. Apabila Pentadbir Tanah atau Pengarah Tanah dan Galian menerima permohonan-permohonan untuk ulasan permohonan Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melibatkan permohonan tukar syarat, pecah sempadan, penyatuan, penyerahan balik dan pemberimilikan semula, pihak PTG dan PDT hendaklah memastikan supaya cukai parit dan cukai tali air tidak lagi dikenakan. Sekiranya ia masih lagi dikenakan, bermakna tanah-tanah ini terlibat dengan warta di bawah *Irrigation Areas Act 1953*. Maka, Pentadbir Tanah atau Pengarah Tanah dan Galian hendaklah mencadangkan untuk membuat permohonan bagi pengeluaran daripada warta tersebut terlebih dahulu.
4. Arahan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI ZULKIFLI BIN LONG)

Pengarah Tanah dan Galian
Pulau Pinang

e.d Timbalan Pengarah (Perancangan dan Pembangunan)

Timbalan Pengarah (Pendaftaran dan Hasil)

Ketua Unit Hakmilik Strata

Ketua Unit Pembangunan

Ketua Unit Pendaftaran Hakmilik

Ketua Unit Teknologi Maklumat

Ketua Unit Penguatkuasaan Teknikal

Ketua Unit Khidmat Pengurusan

Ketua Unit Perundangan

Ketua Unit Audit Pengurusan

Ketua Unit Hasil



SENARAI EDARAN

Pegawai Daerah

Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
13200 Kepala Batas
Pulau Pinang

Pegawai Daerah

Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
Jalan Betek, Sungai Rambai
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang

Pegawai Daerah

Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan
14200 Sungai Jawi
Pulau Pinang

Pegawai Daerah

Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut
Tingkat 51, Komtar
10000 Pulau Pinang

Pegawai Daerah

Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang